

Pilihan Isu dan Ketidakberpihakan Pemberitaan *Mediaindonesia.com* dan *Voa-islam.com* Terhadap Reuni 212

MUHAMMAD RUSLAN RAMLI
Universitas Esa Unggul, Indonesia

DAS'AD LATIF
Universitas Hasanuddin, Indonesia

ABSTRAK

Artikel ini membahas tentang tingkah laku atau aksi Reuni 212 yang diamalkan oleh kumpulan umat Islam Indonesia di Jakarta pada 2018. Mereka tidak berpuas hati dengan prestasi pemerintah dan menuntut pembaikan situasi *Mediaindonesia.com* dan *voa-islam.com* iaitu dua media dalam talian yang menyiarkan Reuni 212. Penyelidikan ini bertujuan untuk memaparkan pilihan isu dan informan serta ketidakberpihakan berita *mediaindonesia.com* dan *voa-islam.com* ke atas Reuni 212. Kaedah penyelidikan ini menggunakan teknik analisis kandungan dengan pendekatan kuantitatif-deskriptif dan teori penentuan agenda menjadi tunjang perbincangan isu ini. Hasil penyelidikan ini mendedahkan bahawa dari aspek penciptaan isu, *mediaindonesia.com* menganggap Reuni 212 sebagai isu gerakan politik, manakala *voa-islam.com* memandangnya sebagai isu persatuan kumpulan umat Islam Indonesia. Dari aspek ketidakberpihakan, kategori neutraliti menunjukkan *voa-islam.com* sebagai media yang berpihak berbanding *mediaindonesia.com*. Untuk kategori keseimbangan, kedua-dua *mediaindonesia.com* ataupun *voa-islam.com* lebih dominan memakai sumber yang sama pemikiran dengan mereka. Dari aspek pilihan informan, *mediaindonesia.com* lebih bersifat egalitarian dan berfikiran terbuka manakala *voa-islam.com* lebih tertutup bagi pihak luar. Sebagai kesimpulan, secara keseluruhan kajian ini memberi impak yang menimbulkan pandangan adanya penyatuan media terhadap penentuan berita di bilik berita. Apa yang terjadi di lapangan boleh disesuaikan dengan keinginan orang-orang yang berada di bilik berita. Mereka akan menentukan isu dan topik yang perlu disuarakan kepada masyarakat. Kesemuanya dirancang sesuai dengan agenda media yang berhubung kait dengan pemilikan media. Dengan demikian, sama ada *mediaindonesia.com* mahupun *voa-islam.com* jelas sekali mempamerkan fungsi teori penentuan agenda ke atas Reuni 212 dengan baik.

Kata kunci: *Reuni 212, analisis kandungan, penentuan agenda, ketidakberpihakan, keseimbangan.*

Choice of Issues and Impartial Reporting of *Mediaindonesia.com* and *Voa-islam.com* Towards Reuni 212

ABSTRACT

This article discusses the behaviours or acts of Reuni 212 practiced by the Indonesian Muslim groups in Jakarta in 2018. They were dissatisfied with the performance of their government and demand for the improvement of *mediaindonesia.com* and *voa-islam.com* as online media that broadcast Reuni 212. This research aims to highlight choice of issues and source of information as well as news impartiality by *mediaindonesia.com* and *voa-islam.com* selected on Reuni 212. It uses content analysis technique with

qualitative-descriptive approach guided by the agenda setting theory. From the aspect of issues created, results reveal that *mediaindonesia.com* regarded Reuni 212 as a political movement issue whilst *voa-islam.com* regarded this as the unity of Indonesian Muslims. From the aspect of impartiality, the attribute on neutrality shows that *voa-islam.com* choose to be partial as compared to *mediaindonesia.com*. From the aspect of balance, both *mediaindonesia.com* and *voa-islam.com*, they dominantly choose source similar to their ideology. From the source attribute, *mediaindonesia.com* carries the traits of egalitarian and unbiased whilst *voa.islam.com* showed reservation towards outsiders. This research extends the view that there is media unity towards the setting of news in the newsroom. What took place in the real world could be fittingly situated by the people in the newsroom. They will set the issue and topic to be voiced and heard to the audience. All are planned aptly with the media agenda in relation to media ownership. Thus, both media has clearly shown the excellent use of the said theory towards Reuni 212.

Keywords: *Reuni 212, content analysis, penentuan agenda, impartiality, balance.*

PENGENALAN

Aksi Reuni 212 yang berlaku pada 2 Disember 2018 merupakan hari bersejarah dan momentum kebangkitan umat Islam di Indonesia. Jutaan Muslim dari pelbagai bandar berkumpul di Jakarta untuk mengikuti aktiviti tersebut. Mereka bergerak menuju lapangan Monumen Nasional (Monas) sebagai pusat aktiviti. Media arus utama seperti akhbar, televisyen, mahupun radio menyiarkan aksi tersebut. Media dalam talian (Internet) ialah salah satu jenis media yang menyampaikan maklumat tentang acara kumpulan umat Islam itu. Pelbagai isu diwacanakan agar menjadi topik perbincangan khalayak. Sebagai media yang mengendalikan berita semasa, media dalam talian langsung menyiarkan laporannya. Kini media baru menjadi pilihan pertama pembaca dalam mengakses maklumat (Normah et al., 2017, hlm.76)

Keghairahan media dalam talian menyiarkan Reuni 212 ialah maklumbalas positif umat Islam, sama ada yang tinggal di Jakarta mahupun di luar Jakarta. Pengalaman Reuni 212 pada tahun 2017 mendedahkan besarnya perhatian umat Islam Indonesia untuk bersilaturahmi di ibu negara. Mereka bersatu demi membina semangat ukhwah Islamiyah. Meskipun ada yang berada jauh dari Jakarta, mereka rela berkorban demi meraikan dan meramaikan acara tersebut. Peserta Reuni 212 amat majmuk dan berlatar belakang yang berbeza-beza. Ada warga umum, pelajar, profesional, pegawai swasta mahupun pemerintah dan kalangan pesara. Mereka ke jalan-jalan utama untuk menyuarakan kepentingan Islam di Indonesia. Mereka terdiri dari khalayak tua dan muda, lelaki dan wanita serta kaya dan miskin, bersatu menuju lapangan Monas. Sejak pagi, mereka telah bersedia meramaikan Reuni 212.

Aksi Reuni 212 ialah gerakan yang dimulakan oleh organisasi khalayak umum Islam dengan nama Gerakan Nasional Pengawal Fatwa Majelis Ulama Islam Indonesia. Pengerusi Reuni 212, Slamet Maarif menyatakan acara ini ialah acara silaturahmi yang dihadiri seluruh lapisan umat Islam sama ada khalayak umum mahupun tokoh agama Islam seluruh Indonesia (*republika.com*). Pada asalnya, Reuni 212 ialah aktiviti yang menuntut pengambilan tindakan hukum ke atas Gabenor DKI Jakarta Basuki Tjahaja Purnama (Ahok) yang telah menghina agama Islam dalam satu acara di Kepulauan Seribu. Ketika itu Ahok menyindir Surah Al Maidah sebagai penghalang dirinya untuk menjadi gabenor.

Bagi media, Reuni 212 ialah peristiwa besar yang memiliki nilai berita sangat tinggi. Nilai berita merupakan indikator media dalam menyalurkan berita. Semakin besar nilai berita sesebuah peristiwa, semakin besar peluang peristiwa tersebut disiarkan, sebaliknya semakin kecil

nilai berita sesebuah peristiwa, semakin kecil pula peluang disiarkan. Silaturahmi nasional umat Islam Indonesia pada Reuni 212 tidak hanya mengundang semangat ukhwaah Islamiyah tetapi juga sebagai tempat menyalurkan aspirasi umat. Reuni 212 dituduh sebagai aktiviti politik yang dijalankan oleh kumpulan pembangkang. Muhaimin Iskandar (*kompas.com, merdeka.com*) menyatakan Reuni 212 ialah ekspresi politik biasa yang menjadi hak demokrasi khalayak umum yang tidak membawa gagasan kepimpinan khalifah. Kehadiran salah satu pasangan calon presiden dan calon pasukan timbalan presiden di acara itu mengukuhkan dakwaan bahawa aksi tersebut merupakan proses politik.

Bagi media, Reuni 212 bukan hanya tempat bersatu tetapi sememangnya penyaluran aspirasi umat Islam Indonesia ke atas situasi nasional. Banyak tokoh nasional yang menyampaikan kesan dan harapan kepada pemimpin bangsa agar mahu membela rakyat, peduli kepada umat Islam, dan bekerja keras demi kepentingan bangsa dan negara. Isu-isu yang dibincangkan disambut gembira oleh media dalam talian. *Mediaindonesia.com* dan *voo-islam.com* ialah dua media rasmi yang turut menyiarkan Reuni 212. Setiap hari mereka memberi ruang berita bagi aktiviti tersebut. Dari pelbagai sumber, mereka menyebarkan berita kepada pembaca.

Abdul Rahman (2009) menyatakan masa kini media dalam talian mempunyai manfaat sebagai saluran alternatif. Dalam konteks politik, ia berpotensi dan berpengaruh bagi pihak-pihak yang terbabit dalam arena politik. Ia memberi ruang bagi membawa kepada pendemokrasian maklumat terutama dalam landskap media arus perdana yang dikawal oleh pemerintah. Kovach dan Rosentiel (dalam Harsono 2010, hlm.116-117) menyatakan media memberi ruang kepada khalayak untuk menyampaikan kritik dan komentar. Media ibarat sumber aspirasi khalayak.

Meskipun hanya acara biasa, Reuni 212 diberi stigma sebagai aktiviti politik kerana pengerusi yang terbabit ialah orang yang rapat dengan Prabowo Subianto dan Sandiaga Uno. Mereka punya kerapatan kerana Prabowo-Sandi ialah pilihan ulama pada pilihan presiden 2019. Oleh itu, mereka dituduh menjalankan aksi yang bermotifkan kepentingan politik Prabowo-Sandi. Mereka mahu Prabowo-Sandi kelak terpilih sebagai Presiden dan Pasukan Timbalan Presiden Republik Indonesia dalam period 2019-2024.

PERMASALAHAN KAJIAN

Setakat ini, media dan politik sememangnya tidak boleh dipisahkan. Politik tanpa akhbar bagaikan kerajaan tanpa tentera serta tentera yang tidak memiliki senjata. Bagi sesebuah negara yang menjalankan demokrasi, akhbar sangat berperanan untuk menyampaikan maklumat daripada kerajaan tidak dapat disangkal (Amir, 2007, hlm.vii). Beliau menyatakan bagi kerajaan, akhbar adalah mata dan telinga. Di manapun tanpa mengira ideologi, kerajaan menganggap akhbar sebagai alat hegemoni yang penting untuk pengekalan dan pengukuhan kuasanya. Peranan akhbar adalah sebagai wadah parti politik, kerajaan dan pemimpin untuk menyalurkan segala dasar, rancangan dan aktiviti.

Menurut Hamad (2004, hlm.1-3), sudah sememangnya media memberi ruang besar kepada Reuni 212. Hal ini disebabkan peristiwa politik sentiasa menarik perhatian media. Peristiwa politik mendedahkan pendapat publik yang berbeza-beza dan bergantung kepada bilik media masing-masing. *Mediaindonesia.com* dan *voo-islam.com* ialah media yang menyiarkan Reuni 212. Mereka menyalurkan berita kerana peristiwa mahupun isu-isunya layak jual

(*marketable*) terutama isu ideologi, agama, politik, keamanan negara, dan sebagainya. Mereka memiliki sudut pandang berbeza ke atas aksi tersebut. Isu-isu yang didedahkan berbeza. Dari aspek neutraliti, mereka sangat berbeza dalam melihat Reuni 212. Ada yang berpihak, ada pula yang memujukkan aksi tersebut. Pilihan sumber berita turut dipilih. Arah berita, ada yang menyokong mahupun menolak aksi tersebut. Mereka sama-sama mencari sumber berita yang menyokong agenda media yang mereka bina.

Mediaindonesia.com menyajikan tajuk-tajuk berita provokatif seperti “Reuni 212 Sulit Lepas dari Agenda Politik”, “Kemenkopolhukam Ingatkan Adanya Pihak yang Menunggangi Reuni 212”, atau “Aparat Diminta Cegah Potensi Rusuh Reuni 212”. Manakala *voa-islam.com* menyiarkan tajuk-tajuk berita bersifat solusi seperti “Rasa Haru dan Semangat Perjuangan Agama di Reuni 212”, “Ketum DPP Hidayatullah: Semoga Reuni 212 Bisa Membina Persatuan Umat”, atau “Semoga Berlimpah Berkah dari Yang Maha Rahman dan Rahim”.

Berita ialah produksi media yang dikelolakan oleh bilik berita. Salah satu unsur penting daripada berita ialah neutraliti. Neutraliti ialah sikap media yang tidak berpihak kepada sesiapa sahaja dalam menyiarkan berita. McQuail (1992) menyatakan media menyebarkan maklumat kepada khalayak berdasarkan prinsip kebebasan, keadilan, kemajmukan, kebenaran dan kualiti maklumat, menyatukan sosial dan solidariti serta akauntabiliti. Prinsip-prinsip tersebut merujuk kepada kebebasan media dalam menyiarkan berita. Media memproduksi berita tanpa campurtangan pihak lain terutama pemilik media yang mempunyai kepentingan tertentu. Prinsip-prinsip tersebut merupakan satu piawai bagi pekerja media dalam menjalankan tugasnya.

Laporan media yang objektif dan neutral menjadi bukti bahawa media bekerja secara profesional. Hanya media bebas yang mampu membuat berita secara objektif dan neutral. Manakala media yang tidak bebas sentiasa membuat berita yang tidak objektif dan tidak neutral.

Salah satu bahagian penting dari objektiviti ialah ketidakberpihakan iaitu prinsip keseimbangan dan neutraliti Wastertahl (dalam McQuail, 2011). Jika neutraliti lebih kepada tidak berpihak kepada salah satu aktor, maka seimbang bererti adanya perhatian yang sama terhadap sesebuah peristiwa. Seimbang bererti tidak berat sebelah. Ada dua hal penting untuk menentukan keseimbangan sesebuah berita iaitu akses yang sama dan perkadaran serta penilaian yang berimbang kepada setiap aktor yang terbabit.

Media dalam talian di Indonesia sentiasa tidak tepat dalam menyiarkan berita kerana mengejar kebenaran berbanding ketepatan (Dharmasaputra, 2011). Kesilapan media dalam talian tidak peduli dengan kod etika pemberitaan (Margianto & Syaefullah, 2012). Demi mengejar kebenaran, media dalam talian menyiarkan *gossip*, isu, ataupun fitnah. Akibatnya, kenyataan dan harapan semakin jauh akibat herotan maklumat. Demi mendapatkan hasil kesemasaan dan rasa mahu tahu pembaca yang tinggi ke atas sesebuah peristiwa, media dalam talian hanya mengambil perkataan atau ucapan dari satu pihak sahaja, sedangkan media dalam talian sepatutnya mengambil kedua belah pihak bagi menjaga keseimbangan. Kenyataan tersebut mendedahkan bahawa kewartawanan fakta telah bergeser menjadi kewartawanan ucapan. Media hanya mahu menyiarkan *press release* yang memuatkan segi positif dari pembuat berita (Sutanto, 2011). Pendedahan konsep-konsep tersebut memunculkan unit analisis dan pembolehubah dalam penyelidikan ini.

Jadual 1: Pembolehubah dan Unit Analisis Penyelidikan

Pembolehubah	Unit Analisis	Kategori
Ketidakterpikahan Keseimbangan	Jenis Liputan	Satu sisi Dua sisi Multi sisi
Neutraliti	Arah berita	Positif Negatif Neutral
Pilihan Isu	Kandungan berita	Menyokong Menolak Neutral
Informan	Pilihan informan berita	Satu informan Dua informan Multi informan

Penyelidikan ini mendedahkan tiga pembolehubah iaitu ketidakberpikahan (keseimbangan dan neutraliti), pilihan isu, dan informan berita. Ketidakterpikahan terdiri atas keseimbangan dan neutraliti. Keseimbangan bersifat memberi akses yang sama dan diukur melalui jenis liputan sesebuah media. Apakah media melihat peristiwa itu dari satu sisi, dua sisi, atau pelbagai sisi. Bagaimana media melihat persoalan yang berlaku di lapangan? Apakah Reuni 212 hanya persoalan politik atau ada persoalan-persoalan lain menyertainya.

Manakala neutraliti pula bersifat keberpikahan media yang diukur melalui arah berita. Apakah berita bersifat positif, negatif, atau neutral ke atas sesebuah peristiwa. Positif bererti berita tersebut mengandungi kandungan konstruktif. Ucapan dalam ayat bersifat konstruktif. Negatif bererti berita tersebut mengandungi kandungan provokatif, manakala neutral bererti tidak membangkitkan emosi bagi pembaca.

Pilihan isu merupakan penekanan isu-isu tertentu yang dibina oleh media ke atas sesebuah peristiwa. Pilihan isu ini dapat dilihat melalui kandungan berita yang disiarkan oleh media; bagaimana media memilih isu. Isu tersebut terus dibina agar membentuk pendapat dan melihat adakah sesebuah pendapat yang dibina itu menyokong, menolak atau neutral.


Informan berita adalah aktor-aktor yang terbabit. Cara mengukurnya dengan melihat siapa aktor yang dipilih menjadi informan. Apakah hanya satu orang sahaja, dua orang atau pelbagai informan. Jika dua informan, apakah informan dari pihak yang sama atau berbeza. Jika pelbagai informan, media lebih condong ke informan mana?

Mediaindonesia.com dan *voa-islam.com* dipercayai menjalankan agenda media terhadap aksi Reuni 212. Kedua-duanya menyiarkan berita dengan sudut pandang masing-masing. Hal ini seolah-olah *mediaindonesia.com* dan *voa-islam.com* menjalankan teori *penentuan agenda*. McCombs dan Shaw (dalam Tamburaka, 2012, hlm.22) menyatakan media merupakan pusat penentuan kebenaran dan kemampuan untuk memindahkan kesedaran dan maklumat kepada agenda publik dengan cara mengarahkan kesedaran mahupun perhatian publik kepada isu yang dianggap penting oleh media.

Mediaindonesia.com dan *voa-islam.com* menggunakan teori penentuan agenda. Mereka percaya bahawa penentuan agenda berperanan penting dalam membina pendapat. Mereka faham agenda media yang dijalankan berpengaruh bagi khalayak umum. Melalui berita-

beritanya, khalayak umum akan mengikuti keinginan media. West dan Turner (dalam Simangunsong, 2010, hlm.176) menyatakan media ialah alat yang mampu untuk mempengaruhi pendapat publik.

Agenda media inilah yang menghasilkan berita *mediaindonesia.com* dan *voa-islam.com*. Kedua-duanya mempunyai kuasa untuk mengatur corak berita, sama ada arah berita, tajuk, kelengkapan berita, pilihan sumber berita, ataupun panjang berita. Ia berkuasa penuh atas berita yang akan disiarkan. Harsono (2010, hlm.29) menyatakan bahawa berita disalurkan secara perkadaran dan komprehensif. Oleh itu, kajian ini cuba mengungkap cara *mediaindonesia.com* mahupun *voa-islam.com* menyiarkan Reuni 212. Bagaimana pilihan isu, ketidakberpihakan, dan pilihan informan dalam kedua-dua media dalam talian ini. Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan lebih terperinci tentang Reuni 212 di kedua-dua media tersebut. Rajah 1 berikut menunjukkan kerangka kajian ini.



Rajah 1: Kerangka kajian

TEORI PENENTUAN AGENDA

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori penentuan agenda kerana pembahasannya berhubung kait dengan cara media dalam menentukan agenda berita yang akan disiarkan. *Mediaindonesia.com* dan *voa-islam.com* adalah media yang dipercayai menjalankan agenda terhadap aksi Reuni 212. Kedua-duanya menyampaikan berita dengan penumpuan sudut pandang masing-masing dan ini membuktikan bahawa *mediaindonesia.com* dan *voa-islam.com* menjalankan teori penentuan agenda.

Teori penentuan agenda pertama kali dijalankan oleh Walter Lippmann pada awal dekad 1920-an. Pada masa itu posisi media massa merupakan pengantara bagi pemikiran orang-orang dengan peristiwa yang berlaku. Berikutnya, Bernard Cohen pada tahun 1963 menyatakan bahawa akhbar memberitahu khalayak tentang apa yang perlu difikirkan tentang sesebuah isu.

Beliau pula yang membina gagasan bahawa editor memiliki peranan penting kerana ia yang memberikan kesan kepada khalayak. Pada dekad yang sama, McCombs dan Shaw (1997) yang pertama kali menyebutkan teori penentuan agenda. Kedua-duanya menyatakan bahawa berita dibuat untuk mempengaruhi fikiran khalayak. Melalui kajian tentang pilihan raya Presiden AS pada tahun 1968, mereka menyatakan bahawa isu yang disiarkan oleh media, maka isu tersebut menjadi penting bagi khalayak. Isu yang dibina oleh media ialah agenda utama khalayak.

Jadi teori penentuan agenda beranggapan bahawa apa yang penting bagi media maka penting juga bagi khalayak. Apa yang tidak penting bagi media, maka tidak penting juga bagi khalayak. Khalayak akan bertumpu pada isu-isu yang disiarkan oleh media. Melalui Combs dan Shaw inilah, teori penentuan agenda semakin popular hingga sekarang ini.

Penentuan agenda media telah menganggap bahawa agenda media ialah pembolehkan bersandar kepada pembangunan agenda. Penentuan agenda awam ialah agenda khalayak yang bersandar kepada sesuatu hipotesis. Penentuan agenda dasar ialah agenda dari pembuat dasar dan ia bersandar kepada penentuan agenda politik (Sannusi, 2017).

SOROTAN LITERATUR

Kajian analisis kandungan telah banyak diamalkan sarjana komunikasi. Salah satunya Ramli (2019) yang membahas tentang kecondongan berita isu demonstrasi pada *Harian Fajar*. Akhbar ini kerap menyiarkan berita tentang berlakunya demonstrasi anarkis di Sulawesi Selatan. Unit analisis penyelidikan ini ialah 25 berita yang disiarkan *Harian Fajar* pada tahun 2017. Pelbagai isu disuarakan peserta demonstrasi iaitu isu-isu anarkisme, sengketa tanah, sosial kesejahteraan, pendidikan, infrastruktur dan sebagainya.

Dari 25 berita yang dikodan, *Harian Fajar* mengutamakan sengketa tanah dan pembinaan infrastruktur sebagai isu paling dominan di antara isu-isu lainnya. Dari segi wilayah, akhbar ini meletakkan demonstrasi yang berlaku di luar bandar lebih besar berbanding bandar. Dari aspek letak berita, *Harian Fajar* lebih banyak meletakkan berita demonstrasi anarkis di mukasurat dalam berbanding di mukasurat utama.

Kesimpulannya, *Harian Fajar* bersifat selektif dalam menyiarkan berita-berita demonstrasi yang berlaku di Sulawesi Selatan. Akhbar ini lebih peduli kepada demonstrasi yang menekankan isu-isu kepentingan masyarakat am berbanding demonstrasi umum. Secara geografi, akhbar ini juga memberi perhatian lebih dominan kepada Makassar kerana pluralisme persoalan hidup di bandar.

Putra (2015) mengkaji keberpihakan media dalam menyajikan berita dalam kes persengketaan Gabenor DKI Jakarta dengan Parlimen Jakarta. Kajian ini dilakukan dengan tujuan mengetahui kecondongan berita *Kompas* ke atas sengketa penggunaan “bajet siluman” Parlimen Jakarta. Penyelidikannya menggunakan metod analisis kandungan berita yang disiarkan *Kompas* pada edisi 1-31 Mac 2015. Ketika itu, Gabenor DKI Jakarta Basuki Tjahaja Purnama bertelingkah dengan Parlimen Jakarta mengenai kes “bajet siluman” Parlimen Jakarta. Hasil kajian mendapati *Kompas* berpihak kepada Gabenor DKI Jakarta berbanding Parlimen Jakarta. Keberpihakan *Kompas* dikenalpasti melalui tujuh unit analisis yang digunapakai iaitu topik berita, sumber berita, peletakan berita, asal berita, penggambaran Ahok, penggambaran parlimen, dan penggambaran “bajet siluman” Parlimen Jakarta.

Kajian lain yang menggunakan analisis kandungan dilakukan oleh Juditha (2013). Kajiannya membahas tentang ketepatan berita dalam kewartawanan dalam talian dengan kajian kes dugaan rasuah Mahkamah Konstitusi di laman web *detiknews.com*. Penyelidikannya menyatakan analisis kandungan merupakan peringkasan, kuantifikasi dari mesej berdasarkan metod saintifik dan tidak dibatasi oleh jenis pembolehkan tertentu. Unit rekod yang dimaksudkan pada penyelidikan ini ialah keseluruhan kandungan teks berita tentang kes rasuah Mahkamah Konstitusi yang terbit di *detiknews.com* tarikh 2-10 Oktober 2013.

Teknik penentuan sampel dilakukan secara bertujuan atau ditentukan dengan sengaja berdasarkan pasukan-pasukan tertentu. Ia berasaskan berita-berita yang bertema rasuah seperti berita yang bertajuk "Akil Mochtar Ditangkap". Teknik pengumpulan data menggunakan panduan kodan yang dibuat bersesuaian dengan pembolehkan yang ditetapkan. Teknik analisis data dalam bentuk jadual kekerapan didedahkan secara deskriptif.

Kesimpulan yang diperolehi ialah *detiknews.com* menjunjung tinggi aspek ketepatan dalam menyiarkan berita. Hal tersebut dilihat dari hasil kuantitatif lima kategori ketepatan berita iaitu semak dan semak semula; kesilapan penulisan pada data; sumber berita yang relevan; ketepatan tajuk dengan kandungan; serta ketepatan antara foto dengan kandungan, kesemuanya bernilai di atas 50 peratus.

Apa yang *detiknews.com* amalkan selaras dengan mottonya iaitu cepat dan tepat, kreatif dan inovatif, integriti, kerjasama, dan bebas. Pihaknya juga mempunyai komitmen tinggi untuk memberikan pelayanan terbaik kepada pembacanya. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa *detiknews.com* sebagai contoh laman sesawang yang bertanggung jawab atas ketepatan berita walau dituntut segera dalam menyiarkan berita.

Abdul Rahman (2009) mengkaji tentang Pilihan Raya Umum Malaysia Tahun 2004 melalui pembinaan agenda media di laman sesawang *Malaysiakini*. Beliau menyatakan permasalahannya pada perbezaan media arus perdana dan media alternatif ke atas pilihan sumber berita. Sememangnya media arus perdana sentiasa berhubung kait dengan sumber yang berpaksikan *status quo*. Hal tersebut dijalankan untuk memperolehi maklumat semasa tanpa ada fikiran bersifat prejudis. Sebaliknya pihak pembangkang berasaskan media alternatif boleh menyalurkan ideologi dan visinya.

Sejak Pilihan Raya Umum Malaysia tahun 1999 dan 2004, laman sesawang sudah mendapat perhatian masyarakat am. Ianya menjadi saluran alternatif bagi masyarakat am untuk memperolehi maklumat dengan cepat berbanding maklumat yang disalurkan oleh media arus perdana.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan teknik analisis kandungan dengan pendekatan kuantitatif-deskriptif. Budi (dalam Kriyantono 2012) menyatakan prinsip analisis kandungan terdiri atas empat bahagian iaitu 1). Sistematis iaitu perlakuan prosedur yang sama kepada semua kandungan yang dianalisis. 2). Objektif iaitu dapatan analisis bergantung kepada prosedur penyelidikan, dan bukan kepada orangnya. 3). Kuantitatif iaitu merekod nilai bilangan atau frekuensi untuk menggambarkan pelbagai jenis isu yang didefinisikan. 4). Isu yang wujud iaitu yang diselidiki dan dianalisis ialah isu yang tersurat bukan makna yang dirasai oleh penyelidik.

Teknik analisis penyelidikan ini dijalankan secara deskriptif. Eriyanto (2013, p.15) menyatakan deskriptif yang dimaksudkan ialah cara yang diguna pakai oleh penyelidik melalui penggambaran situasi atau fakta berita. Untuk memaparkannya, penyelidik mengambil metod analisis kandungan iaitu menganalisis berita-berita yang tampak (*manifest*), diamalkan secara objektif, sahih, boleh dipercayai, dan dapat direplikasi. Analisis kandungan merupakan teknik penyelidikan ilmiah yang dijalankan untuk mengetahui gambaran karakteristik kandungan, membuat inferensi kandungan, dan mengidentifikasi kandungan berita yang tersurat dengan lebih sistematik.

Populasi dalam penyelidikan ini ialah berita-berita yang berhubung kait dengan Reuni 212 di Jakarta pada tahun 2018. Penyelidik menggunakan persampelan bertujuan dengan memilih berita-berita yang dianggap penting. Meskipun isu Reuni 212 sudah muncul sebelum Disember 2018, namun penyelidik hanya mengambil berita-berita pada tarikh 1-3 Disember 2018. Objek penyelidikan ini ialah kumpulan berita yang terbit sehari sebelum acara sehingga sehari setelah acara. Jumlahnya ialah 59 berita, masing-masing 44 berita *mediaindonesia.com* dan 15 berita *voa-islam.com*.

Teknik pengumpulan data dalam penyelidikan ini diperolehi secara primer. Data primer ialah data yang diperolehi langsung dari subjek penyelidikan. Kriyantono (2012) mengatakan data primer ialah data yang diperolehi langsung dari subjek penyelidikan sebagai sumber maklumat yang dicari. Pada penyelidikan ini, berita yang didokumentasikan ialah berita-berita dari media dalam talian yang ditentukan iaitu *mediaindonesia.com* dan *voa-islam.com* dengan topik demonstrasi Reuni 212 di Jakarta. Kedua-duanya dipilih kerana mewakili ideologi yang berbeza. *Mediaindonesia.com* berideologi nasionalis sedangkan *voa-islam.com* berideologi Islam. Tempoh atau edisi media dalam talian yang diselidik ialah tiga hari iaitu 1-3 Disember 2018 dengan alasan sehari sebelum dan sehari selepas aksi Reuni 212.

